



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
SIDANG PERTAMA
MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK MELAKA (PMK) KE-19,
12 MAC 2022 (SABTU), 8.15 PAGI
DI DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU
(WAKIL : YB DATUK RAIS BIN DATUK WIRA YASSIN, EXCO
PENDIDIKAN & TEKNOLOGI)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis,

Yang Berusaha Surveyor Haji Razali bin Johari,
Pengarah Politeknik Melaka;

Yang Berusaha Encik Mahazir bin Ahmad,
Ketua Division Sumber Manusia CTRM Sdn. Bhd. sebagai
Penasihat Industri Politeknik Melaka;

Yang Berusaha Encik Halim bin Mahat,
Timbalan Pengarah II Politeknik Melaka;

Yang Berusaha Puan Rosmaria binti Ismail,
Ketua Jabatan Perdagangan Politeknik Melaka;

Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, Ketua-ketua
Jabatan Negeri dan Persekutuan;

Barisan Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Unit Politeknik Melaka,

Ahli Jawatankuasa Penasihat Politeknik Melaka, Wakil-wakil industri, rakan-rakan media, para pensyarah, ibu bapa, dan para graduan yang diraikan sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Politeknik Melaka tetap berjaya mengadakan Majlis Konvokesyen kali ke-19. Dengan rasa syukur pada pagi yang indah ini, dapat kita berkongsi kejayaan para graduan dan kegembiraan para ibu bapa penjaga serta warga pendidik di atas kejayaan yang diraikan pada hari ini.

2. Pada kesempatan ini, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada para graduan yang diraikan kerana telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga saya zahirkan kepada semua warga pendidik Politeknik Melaka yang telah mencurahkan jasa dan khidmat bakti untuk merealisasikan majlis yang dinanti-nantikan oleh semua graduan pada waktu yang sungguh mencabar di kala dunia dan negara khususnya masih lagi berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin dan hadirat sekalian,

3. Majlis ini bukan hanya untuk meraikan kejayaan para graduan, ia juga adalah simbol penghargaan kepada para pendidik serta keringat pengorbanan ibu bapa kerana berkat doa mereka yang tidak mengenal erti jemu serta ikhlas, dapat memastikan para graduan menjadi insan yang terpelajar bagi mengisi ruang dan peluang supaya menjadi generasi terbaik yang dibanggakan negara pada masa akan datang.

4. Pada hari ini, terukirlah satu lagi sejarah bagi warga kerja Politeknik Melaka (PMK) kerana telah berjaya melahirkan para graduan peringkat diploma seramai **943 graduan** sempena Majlis Konvokesyen Ke-19 pada hari ini.

5. Saya dimaklumkan, jumlah graduan yang dilahirkan oleh Politeknik Melaka **sejak tahun 2000 sehingga hari ini** telah mencecah seramai **9,551 orang**. Syabas saya ucapkan!

6. Pada pagi ini, kita bakal menyaksikan seramai **183 graduan** daripada **Jabatan Perdagangan dalam jurusan Diploma Perakaunan** akan memperolehi skrol masing-masing. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua graduan yang insya-Allah akan membentuk insan-insan intelek yang murni sahsiahnya.

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin dan hadirat sekalian,

7. Para graduan yang diraikan pada hari ini merupakan kebanggaan kita semua yang akan menyumbang tenaga kepada negeri dan negara. Merekalah antara individu-individu yang akan mencorakkan hala tuju negara dan bangsa pada masa hadapan.

8. Pembudayaan ilmu adalah satu komponen yang penting dalam proses pembangunan sahsiah diri, organisasi dan negara. Justeru, graduan kini memikul peranan dan tanggungjawab yang besar untuk mencari jalan terbaik dalam usaha membudayakan ilmu sebagai pemangkin dalam usaha menyelesaikan masalah.

9. Konvokesyen ini merupakan suatu titik permulaan bagi para graduan mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi dan memahami erti dan cara kehidupan berkerjaya. Saya percaya, Politeknik Melaka telah memberi penekanan kepada kualiti pengalaman pelajar dalam bidang pembelajaran merangkumi keseluruhan pengalaman pendidikan, bermula dengan pembangunan dan reka bentuk kurikulum yang melibatkan ranking penilaian dan pensijilan dengan menitikberatkan pengalaman pelajar dalam proses pembelajaran bagi mengaplikasikan mengikut keperluan industri.

10. Malah saya amat pasti sepanjang tempoh pengajian ini, graduan telah didedahkan dengan pengalaman dalam kolaborasi bersama industri yang memberi nilai tambah kepada pelajar dengan penyertaan mereka dalam **Industry Certified Course** yang bertujuan memberi kemahiran tambahan kepada pelajar untuk diaplikasikan di alam pekerjaan nanti.

11. Masa depan Malaysia bergantung kepada kemanfaatan ilmu pengetahuan. Justeru itu, tenaga dan kemahiran para graduan amat diperlukan untuk sama-sama membangunkan Malaysia amnya dan Negeri Melaka khususnya.

Para graduan yang diraikan sekalian,

12. Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan kepada para graduan semua supaya terus meningkatkan kemampuan pengetahuan yang inovatif dan bersikap positif agar anda semua berupaya untuk menjadi modal insan minda kelas pertama. Teruskan berpegang kepada prinsip berani ke hadapan dan yakin pada diri, optimis dan sanggup menyahut cabaran agar anda semua dapat memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat yang mengharapkan jasa bakti anak-anak bangsa.

13. Tempoh pembelajaran di Politeknik telah memberikan pelbagai ilmu dan nilai tambah kepada para graduan. Maka, dalam apa pun jua bidang yang bakal anda ceburi nanti, tunjukkanlah semua nilai-nilai kecemerlangan dari segi personaliti dan keupayaan dalam berinteraksi dengan semua lapisan masyarakat.

14. Sumbanglah ilmu yang diperolehi dengan sebaik mungkin kepada masyarakat. Sentiasa menjaga maruah diri, ibu bapa dan negara. Janganlah mendekati budaya mementingkan diri sendiri, angkuh, melakukan penyelewengan dan rasuah, kerana jika ini berlaku, maka sia-sialah pengorbanan ibu bapa dan usaha serta penat lelah anda dalam menuntut ilmu.

15. Rebutlah peluang dan ruang yang ada di depan mata untuk melakukan anjakan paradigma dalam diri seperti mendapatkan pengiktirafan sumbangan kepakaran dengan cara yang mulia dan profesional supaya bangsa kita dihormati dan disanjung di kalangan masyarakat, dan berjaya menduduki persada yang terulung di peringkat global.

16. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan yang dicapai, dan tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para ibu bapa dan saudara mara para graduan kerana telah bersama-sama memberi pengorbanan serta hadir meraikan kejayaan

anak-anak mereka pada hari yang bersejarah ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

17. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan, ibu bapa dan ahli keluarga yang hadir pada majlis konvokesyen hari ini. Penghargaan juga dizahirkan kepada pengarah dan warga kerja Politeknik Melaka serta semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan majlis ini. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

*Awan berarak di Negeri Melaka,
Berlabuh petang indah sekali,
Kejayaan PMK Kebanggaan semua,
Lakaran Gemilang terpatri di hati.*

18. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmannirahim... saya dengan sukacitanya merasmikan **Sidang Pertama, Majlis Konvokesyen Politeknik Melaka kali ke-19.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.